

TARIKH : 30/7/2022

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

## Yakin sedia 55,000 peluang pekerjaan

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yakin dapat memenuhi mandat kerajaan menyediakan 55,000 peluang pekerjaan kepada golongan rentan sepanjang perlanjutan Program Jamin kerja-Insentif Penggajian (JKIP).

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, sasaran itu bagi menyokong matlamat program JKIP mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan bagi 2022.

"Perdana Menteri sudah mengumumkan perlanjutan program JKIP yang tamat tempoh asalnya pada 30 Jun lalu sewaktu merasmikan Ekspo Kerjaya Jamin Kerja Keluarga Malaysia 2022, pada Isnin lalu.

"Lanjutan program ini akan memberikan tumpuan kepada usaha pengambilan pekerja daripada sektor pelancongan, pekerja yang menggantikan pekerja asing (prog-

ram Malaysianization), orang kurang upaya (OKU), wanita dan pekerja yang kehilangan pekerjaan," katanya.

Menurutnya, dengan peruntukan sedia ada program JKIP sebanyak RM2 bilion di bawah Bajet 2022, sebanyak RM475 juta akan disalurkan oleh Perkeso sebagai insentif kepada majikan yang mewujudkan peluang pekerjaan dan membuat pengambilan kepada seramai 55,000 pekerja daripada golongan mudah terjejas ini.

"Untuk sepanjang tempoh perlanjutan JKIP ini, syarat permohonan dan kadar insentif kepada majikan serta bantuan mobiliti kepada pekerja yang diambil, kekal seperti sebelum ini.

"Perkeso menyambut baik keputusan kerajaan untuk melanjutkan tempoh pelaksanaan JKIP ini selama enam bulan lagi sehingga 31 Disember ini," katanya.

HM 30/7 pg 5